

Mesej Tiga

Kudrat Tuhan dan Kearifan Tuhan

Bacaan Bible: 1 Kor. 1:2, 23-24, 30; Roma 6:6, 19, 22; Ef. 1:9, 11; 3:11

- I. Sebelum menyebut tentang Kristus ialah kudrat Tuhan dan kearifan Tuhan dalam 1 Korintus 1:24, Paulus dalam ayat 23 mengisytihar, “Kami memberitakan Kristus yang tersalib, bagi orang Yahudi, satu batu sandungan, dan bagi bangsa Asing, kejahilan”:**
- A. Ini menunjukkan bahawa Kristus yang merupakan kudrat Tuhan dan kearifan Tuhan untuk melaksanakan ekonomi Tuhan ialah Kristus yang tersalib, Kristus yang tidak melakukan apa-apa untuk menyelamatkan diri-Nya—ay. 24.
 - B. Di mata manusia, jika seseorang disalibkan, dia dianggap tidak berkudrat, kerana seorang yang berkudrat tidak akan membenarkan dirinya disalibkan; namun begitu, Kristus yang merupakan kudrat Tuhan telah disalibkan.
 - C. Tambahan pula, dari sudut pandangan manusia, seorang yang arif akan mencari jalan untuk elak daripada penyaliban; namun Kristus yang merupakan kearifan Tuhan telah disalibkan—Gal. 2:20.
 - D. Kristus yang tersalib ialah kudrat Tuhan—1 Kor. 1:24:
 - 1. Dalam salib Kristus, kita melihat kudrat Tuhan.
 - 2. Kudrat Tuhan diperlukan untuk menewaskan Syaitan, dunia, dosa, manusia jatuh, tubuh daging, hayat alamiah, ciptaan lama, dan ordinan.
 - 3. Kematian Kristus—penyaliban-Nya—telah menjadi kudrat Tuhan—ay. 24.
 - E. Kristus yang tersalib ialah kearifan Tuhan—2:7:
 - 1. Untuk menyempurnakan apa-apa sahaja, kita memerlukan Kristus sebagai kudrat dan kearifan—1:24.
 - 2. Kearifan adalah untuk merancang dan menetapkan tujuan, manakala kudrat adalah untuk melaksanakan dan menyempurnakan apa yang telah dirancang dan ditetapkan sebagai tujuan.
 - 3. Apabila kita mengalami Kristus yang tersalib, Dia bukan sahaja menjadi kudrat Tuhan tetapi juga kearifan Tuhan kepada kita—Roma 6:6; Gal. 2:20.
 - 4. Kristus yang tersalib sebagai kearifan Tuhan berhubung kait dengan rancangan Tuhan yang mendalam menurut kegirangan-Nya dan juga menurut jalan Tuhan untuk menggenapkan kehendak-Nya—Ef. 1:9, 11; 3:11:
 - a. Memandangkan kita mempunyai Kristus yang tersalib sebagai kearifan Tuhan, maka kita tidak perlu mencari jalan lain untuk melaksanakan kehendak Tuhan.
 - b. Hanya dengan mengalami Kristus yang tersalib, secara spontan kita mempunyai jalan untuk melakukan kehendak Tuhan.
 - c. Kita menjadi sangat arif dalam hal melakukan kehendak Tuhan—Kol. 1:9; 4:12.
 - d. Asalkan kita mengalami Kristus yang tersalib, Kristus akan menjadi kearifan Tuhan kepada kita untuk menggenapkan rancangan-Nya; kita akan mempunyai kearifan Tuhan untuk melakukan kehendak-Nya—1:9.
 - F. Apabila kita mengalami Kristus yang tersalib, kita ditamatkan—Gal. 2:20:
 - 1. Segala apanya kita, segala yang kita miliki, dan segala yang dapat kita lakukan—semuanya ditamatkan sepenuhnya.
 - 2. Apabila kita menyeru nama Tuan Yesus, semasa kita mengalami dan menikmati-Nya, penyaliban-Nya akan menamatkan kita.
 - 3. Kristus yang tersalib bukan sahaja kudrat malah juga jalan untuk kita diselamatkan daripada tubuh daging, hayat alamiah, dan ciptaan lama.

Mesej Tiga (sambungan)

II. Sebagai orang yang dipanggil Tuhan, kita perlu mengenali serta mengalami kudrat dan kearifan Kristus—1 Kor. 1:24:

- A. Satu Korintus 1:2 menyebut tentang “pekudus yang dipanggil”:
1. Percayawan dalam Kristus ialah pekudus yang dipanggil, bukan dipanggil untuk menjadi pekudus; ini merupakan perkara kedudukan, yakni dikuduskan dari segi kedudukan untuk tujuan dikuduskan dari segi disposisi.
 2. Menyeru nama Tuan mengimplikasikan percaya ke dalam-Nya—Roma 10:14.
 3. Semua percayawan dalam Tuan seharusnya menjadi penyeru—Kis. 9:14, 21; 22:16.
 4. Kita telah dipanggil untuk menyeru, dipanggil Tuhan untuk menyeru nama Tuan.
 5. Kepada orang yang dipanggil Tuhan, Kristus ialah kudrat Tuhan dan kearifan Tuhan.
- B. *Mereka yang dipanggil* (1 Kor. 1:24) merujuk kepada percayawan yang dipilih Tuhan dalam keabadian (Ef. 1:4) dan yang percaya kepada Kristus dalam masa (Kis. 13:48).
- C. Kepada mereka yang percaya kepada Kristus dan menyeru nama-Nya, Dialah kudrat Tuhan dan kearifan Tuhan.
- D. Kristus tersalib ialah kudrat Tuhan untuk menyelamatkan kita dan kearifan Tuhan untuk mengenakan rancangan-Nya:
1. Kudrat ialah kebolehan, dan kearifan ialah jalan.
 2. Kristus terlebih dahulu ialah kudrat kita, dan kemudian Dia ialah kearifan kita, iaitu jalan kita.
 3. Kristus ialah kudrat Tuhan untuk melaksanakan ekonomi Tuhan, dan Dia juga kearifan Tuhan, jalan Tuhan, untuk melaksanakan ekonomi Tuhan.
- E. Kristus sebagai kudrat Tuhan memperkuat kita dengan kudrat dinamik, membekali dan menopang kita dalam apanya kita dan apa yang kita lakukan:
1. Dalam semua sekitaran dan keadaan kita, Kristus sebagai kudrat Tuhan membolehkan kita menderita, memikul beban, dan berdiri teguh.
 2. Dia juga menopang kita agar kita tidak tergoyah; atas sebab ini, Paulus mengisytihar, “Aku berupaya melakukan segala sesuatu dalam Dia yang memperkudratkan aku”—Flp. 4:13.
 3. Kristus sebagai kudrat Tuhan membekali dan menopang kita setiap hari menerusi pendispenan divin-Nya.
- F. Kristus sebagai kearifan Tuhan mengalir tanpa henti daripada Tuhan kepada kita untuk menjadi kearifan kita pada masa kini secara praktikal dalam pengalaman kita—1 Kor. 1:24.

III. “Daripada-Nya, kamu berada dalam Kristus Yesus yang telah menjadi kearifan kepada kita daripada Tuhan: keadilbenaran, pengudusan, dan penebusan”—ay. 30:

- A. Dalam ayat ini Paulus tidak mengatakan bahawa Kristus menjadi kearifan kita; sebaliknya, dia mengatakan bahawa Kristus menjadi kearifan “kepada kita daripada Tuhan”:
1. Ungkapan *kepada kita daripada Tuhan* menunjukkan suatu transmisi yang semasa, praktikal, boleh dialami, dan sedang berlangsung.
 2. Kristus menjadi kearifan kepada kita daripada Tuhan menunjukkan bahawa terdapatnya transmisi Kristus sebagai kearifan daripada Tuhan kepada kita untuk pengalaman harian kita.

KUDRAT TUHAN DAN KEARIFAN TUHAN

Mesej Tiga (sambungan)

3. Kita memerlukan Kristus secara berterusan untuk menjadi kearifan kepada kita daripada Tuhan.
- B. Kristus menjadi kearifan kepada kita daripada Tuhan sebagai tiga perkara yang penting dalam penyelamatan Tuhan:
 1. Dia keadilanbenaran kita (untuk masa lampau kita); melaluinya kita telah dijustifikasikan Tuhan, agar kita dapat dilahirkan semula dalam roh kita untuk menerima hayat divin—Roma 5:18.
 2. Dia pengudusan kita (untuk masa kini kita); melaluinya kita dikuduskan dalam sukma kita, iaitu ditransform dalam minda, emosi, dan tekad, dengan hayat divin-Nya—6:19, 22.
 3. Dia penebusan kita (untuk masa hadapan kita), iaitu penebusan tubuh kita (8:23); melaluinya tubuh kita akan ditransfigur dengan hayat divin-Nya supaya memiliki rupa bentuk mulia-Nya (Flp. 3:21).
 4. Daripada Tuhan, kita dapat berbahagian dalam penyelamatan yang begitu lengkap dan sempurna, yang menjadikan seluruh diri kita—roh, sukma, dan tubuh—bersatu dengan Kristus secara organik dan menjadikan Kristus segala-galanya kepada kita.
 5. Semua ini adalah daripada Tuhan, bukan daripada diri kita sendiri, agar kita dapat bermegah dan berasa mulia dalam-Nya, bukan dalam diri kita sendiri—Ef. 3:20-21.